

Terma dan Syarat Kempen “Kaw – Kaw!”

1. Terma dan Syarat berikut adalah terpakai bagi Kempen “Kaw – Kaw!” (selepas ini dirujuk sebagai “**Kempen**”).
2. Kempen ini dianjurkan oleh RCE Marketing Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran 198101011880 (78009-K)) (“RCE”) yang menawarkan pembiayaan patuh syariah kepada penjawat awam serta merupakan pemberi dana utama kepada Yayasan Dewan Perniagaan Melayu Perlis Berhad (“YYP”). RCE juga berperanan sebagai pusat pemprosesan utama bagi RCE, Corewealth Alliance Dynamic Sdn. Bhd (“CAD”) dan YYP.
3. Kempen ini bermula pada 15.06.2026 dan berakhir pada 31.12.2026, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“Tempoh Kempen”). RCE berhak untuk menamatkan atau melanjutkan Tempoh Kempen lebih awal atau lewat daripada tempoh yang dinyatakan tanpa sebarang notis terlebih dahulu.
4. **Kelayakan**
 - 4.1 Kempen ini merupakan **Cabutan Bertuah untuk Pelanggan Baharu** yang memenuhi semua kriteria berikut (selepas ini dirujuk sebagai “**Pelanggan Layak**”):
 - a) Pelanggan baharu yang mengemukakan permohonan pembiayaan dengan RCE, CAD atau YYP **dalam Tempoh Kempen** (selepas ini dirujuk sebagai “Permohonan Pembiayaan”);
 - b) Permohonan Pembiayaan mestilah diluluskan dengan jumlah minimum pembiayaan sebanyak **RM3,000** serta telah **dikeluarkan sepenuhnya dalam Tempoh Kempen**;
 - c) Pelanggan perlu klik “Like” dan “Follow” halaman Facebook, Instagram dan TikTok rasmi RCEM sepanjang tempoh kempen dijalankan; dan
 - d) RCE berhak meminta bukti “Like” dan “Follow” bagi tujuan pengesahan penyertaan.
 - 4.2 Pelanggan Layak akan secara automatik disertakan untuk menyertai Kempen ini sekiranya memenuhi semua syarat yang dinyatakan dalam Klausula 4.1. Pelanggan Layak tidak perlu mendaftar atau mengisi sebarang borang tambahan untuk menyertai Kempen ini.
 - 4.3 RCE berhak untuk menolak kelayakan mana-mana pelanggan bagi Kempen ini atas apa jua sebab sekalipun sebagaimana yang RCE, pada budi bicara mutlakinya, anggap wajar, dan pelanggan tidak mempunyai sebarang tuntutan atau tindakan terhadap RCE, CAD dan YYP (termasuk syarikat sekutu dan syarikat berkaitan masing-masing serta pengarah, pegawai, pekerja atau ejen mereka).

4. Kelayakan (Sambungan)

- 4.4 Tanpa menghadkan peruntukan di atas, pelanggan berikut dikecualikan daripada skop Pelanggan Layak dan tidak layak untuk menyertai Kempen ini:
- Pelanggan yang telah atau disyaki terlibat dalam sebarang penipuan, penyalahgunaan sistem atau pelanggaran syarat pembiayaan yang ditetapkan oleh RCE, CAD atau YYP; dan
 - Individu yang sedang atau pernah mengalami ketidakseimbangan mental, telah meninggal dunia, diisytiharkan bankrap atau yang sedang atau pernah dikenakan sebarang prosiding undang-undang dalam apa jua bentuk terhadap mereka.

5. Mekanisme Kempen

- 5.1 Setiap Pelanggan Layak akan menerima sekurang – kurangnya SATU (1) penyertaan apabila memenuhi jumlah minimum pembiayaan RM3,000.

Jumlah Amaun Pembiayaan	Bilangan Penyertaan
Apabila memenuhi syarat minimum RM3,000	1 Penyertaan
Setiap tambahan RM10,000 seterusnya	1 Penambahan Penyertaan

Contoh Pengiraan Penyertaan:

Jumlah Amaun Pembiayaan RM	Bilangan Penyertaan
5,000	1
13,000	2
33,000	4

- 5.2 Jumlah penyertaan adalah berdasarkan jumlah kumulatif pembiayaan baharu yang diluluskan dan dikeluarkan sepanjang Tempoh Kempen bagi setiap Pelanggan Layak.
- 5.3 Pemenang akan dipilih melalui proses cabutan rawak berdasarkan kaedah yang ditentukan oleh RCE dan keputusan adalah muktamad.
- 5.3 Pemenang akan dihubungi oleh wakil RCE melalui nombor telefon yang direkodkan dalam sistem RCE.
- 5.4 Sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi selepas TIGA (3) kali percubaan atau pemenang menyatakan hasrat untuk menarik diri daripada Kempen ini selepas dihubungi oleh wakil RCE, beliau akan hilang kelayakan daripada Kempen ini.

6. Hadiah Kempen

6.1 Pecahan Hadiah Cabutan Bertuah adalah seperti berikut:

No.	Hadiah	Barangan	Pemenang
1	Hadiah Utama	Yamaha NVX 155	1
2	Hadiah Pertama	Yamaha Ego Avantiz	1
3	Hadiah Kedua	Macbook Air 15'inci	1
4	Hadiah Ketiga	iPhone 17 256GB	1
5	Hadiah Keempat	iPad Air 256GB 11'inci	3
6	Hadiah Kelima	Smart TV 50'inci	3
7	Hadiah Keenam	TnG e-Voucher RM200	30
Jumlah Pemenang			40

** Bagi mengelakkan keraguan, walaupun Kempen ini dibuka kepada pelanggan RCE, CAD dan YYP, adalah penting untuk dinyatakan bahawa pengagihan Hadiah Cabutan Bertuah tidak diduplikasi bagi setiap entiti tersebut. Sebagai contoh, Hadiah Pertama boleh dimenangi oleh pelanggan RCE, manakala Hadiah Kedua mungkin dimenangi oleh pelanggan YYP. Setiap pelanggan layak untuk satu hadiah sahaja.*

7. Terma dan Syarat

- 7.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak bersetuju untuk terikat secara sah dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini serta keputusan penganjur, RCE.
- 7.2 Rekod transaksi yang dikendalikan oleh RCE berkaitan jumlah pembiayaan yang diambil oleh Pelanggan Layak, senarai akhir Pelanggan Layak yang dipilih serta penentuan Hadiah Cabutan Bertuah adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
- 7.3 Gambar-gambar Hadiah Kempen yang diterbitkan dalam mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja.

7. Terma dan Syarat (Sambungan)

- 7.4 Ia adalah tanggungjawab Pelanggan Layak untuk memastikan bahawa butiran hubungan yang diberikan kepada RCE adalah terkini dan dikemas kini. RCE tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan akibat daripada tindakan tersebut) yang dialami sekiranya butiran hubungan Pelanggan Layak dalam rekod RCE adalah tidak terkini atau tidak dikemas kini.
- 7.5 RCE berhak untuk melantik semula pemenang baharu dan/atau Pelanggan Layak yang tidak dapat dihubungi, tidak layak atau hilang kelayakan atas apa jua sebab sekalipun sepanjang Tempoh Kempen.
- 7.6 RCE berhak untuk menerbitkan dan memaparkan nama, gambar dan/atau audio video Pelanggan Layak dalam mana-mana media massa atau bahan pemasaran bagi tujuan pengiklanan dan publisiti (selepas ini dirujuk sebagai “**Penerbitan**”) tanpa sebarang notis awal kepada Pelanggan Layak, dan Pelanggan Layak tidak berhak menuntut sebarang pemilikan dan/atau pampasan lain bagi Penerbitan tersebut. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak dengan ini memberi persetujuan terhadap penggunaan serta Penerbitan nama, gambar dan/atau audio video mereka seperti yang dinyatakan dalam seksyen ini. RCE, CAD dan YYP (termasuk syarikat sekutu dan berkaitan masing-masing serta pengarah, pegawai, pekerja atau ejen mereka) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan, kerugian atau apa-apa liabiliti yang timbul daripada Penerbitan tersebut.
- 7.7 Hadiah Kempen tidak boleh dipindah milik atau ditukar kepada tunai, sama ada sebahagian atau sepenuhnya. RCE berhak mutlak untuk menggantikan mana-mana Hadiah Kempen dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama tanpa notis awal, dan RCE juga berhak mutlak untuk melucutkan Hadiah Kempen sekiranya Pelanggan Layak didapati tidak mematuhi mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini.
- 7.8 Sebarang kos berkaitan pemilikan Hadiah Kempen serta kos perbelanjaan (jika ada) yang berkaitan dengan pengambilan Hadiah Kempen adalah ditanggung oleh Pelanggan Layak sendiri. Segala kos pendaftaran, cukai jalan, insurans dan kos berkaitan pemilikan Hadiah Kempen adalah ditanggung oleh pemenang melainkan dinyatakan sebaliknya oleh RCE.
- 7.9 Bagi sebarang pertikaian berkaitan kesahihan Hadiah Kempen atau mana-mana Terma dan Syarat berkaitan, Pelanggan Layak hendaklah berurusan terus dengan pedagang yang diberi kuasa yang akan dimaklumkan kepada Pelanggan Layak semasa penebusan Hadiah Kempen. RCE tidak akan bertanggungjawab terhadap kesahihan Hadiah Kempen atau mana-mana terma dan syarat yang dikenakan oleh pedagang yang diberi kuasa tersebut.

7. Terma dan Syarat (Sambungan)

- 7.10 Hadiah Kempen, setelah diterima oleh pemenang (atau jika berkenaan, Pelanggan Layak), adalah sepenuhnya atas risiko pemenang (atau jika berkenaan, Pelanggan Layak). RCE tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang risiko, kehilangan atau kerosakan terhadap Hadiah Kempen selepas penyerahan Hadiah Kempen kepada pemenang (atau jika berkenaan, Pelanggan Layak). RCE juga tidak akan bertanggungjawab atau diwajibkan untuk menggantikan sebarang Hadiah Kempen yang rosak, hilang atau dicuri.
- 7.11 Keputusan bagi semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini termasuk tetapi tidak terhad kepada penyertaan dan proses Cabutan Bertuah adalah muktamad, konklusif dan mengikat. RCE tidak bertanggungjawab untuk memberikan sebarang alasan atau melayan sebarang surat-menyurat daripada mana-mana pihak berhubung dengan Kempen ini. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.
- 7.12 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, RCE berhak pada budi bicara mutlak untuk mengubah, menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa tanpa notis awal atau rujukan kepada Pelanggan Layak. RCE juga mempunyai hak mutlak untuk mentafsir dan menentukan Terma dan Syarat yang terkandung di sini.
- 7.13 Pemenang akan diumumkan sama ada secara bertulis, emel, SMS, panggilan telefon atau melalui laman web www.rcem.com.my serta halaman Facebook rasmi RCE (RCE), halaman Instagram rasmi RCE (PortalRasmiRCE) dan halaman rasmi TikTok RCE (PortalRasmiRCE) dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja selepas Tempoh Kempen. Hadiah Kempen akan diberikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja selepas tarikh pengumuman cabutan atau pada bila-bila masa yang dianggap sesuai oleh RCE untuk menentukan pemenang. Jumlah penyertaan adalah berdasarkan jumlah keseluruhan pembiayaan yang diluluskan dan dikeluarkan sepanjang Tempoh Kempen bagi setiap pelanggan.
- 7.14 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada RCE untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi yang boleh didapati di www.rcem.com.my.
- 7.15 Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia, dan Pelanggan Layak dianggap telah bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

15 JUN 2026

TAMAT